

28/03/2005

Isu kenaikan harga minyak antara tumpuan ICC 2005

Oleh Azlan Jaafar; A Bakar

KESAN kenaikan harga minyak, ketidaktentuan pasaran saham, perubahan aliran pasaran dan cabaran baru bakal dihadapi syarikat Asia antara isu utama yang akan mendapat perhatian Persidangan Ketua Eksekutif Antarabangsa (ICC 2005) di Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu, yang bermula hari ini.

Topik lain seperti keganasan, saingan China dan India, serta perkembangan ekonomi global akan menjadi tumpuan lebih 600 CEO dan pakar industri dari lebih 30 negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual merasmikan persidangan pagi ini, manakala majlis penutup disempurnakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Antara peserta persidangan yang mengesahkan kehadiran ialah Presiden Kubota Electric Co Ltd, Katsuya Kubota; Pengarah Urusan Memtech Inc, Masanori Hayashi; Pengerusi Eksekutif Saudi Trading and Development Establishment, Mohammad AS Othman; dan Pengarah Pelaburan Merrill Lynch (Asia Pasifik) Ltd, Stephen Au.

Turut berbuat demikian ialah Duta Delegasi Suruhanjaya Eropah, Thierry Rommel; Pengarah Urusan Erkki Miettinen Oy Finland, Erkki Miettinen; Naib Presiden Eksekutif Hsinchu Transport (Taiwan) Co Ltd, Chen Rong Chuan; Naib Presiden Pembangunan Perniagaan Thales dari Peranchis, Henri Gide; dan Pengarah PT Bara Kaltim Sejahtera, Ramli Ahmad.

ICC 2005 dianjurkan agensi kerajaan negeri, iaitu Yayasan Sabah, manakala Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) pengurus acara persidangan.

Sementara itu, akhbar New Straits Times, TV3, Sutera Harbour Resort, Standard Chartered, Shell Malaysia, Penerbangan Malaysia (MAS) dan The New Sabah Times adalah penaja acara yang dianggap terpenting di Sabah tahun ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Yayasan Kepimpinan Perdana, akan berucap mengenai kepemimpinan dan isu semasa global dan kesannya terhadap perniagaan pada hari penutup, esok.

Ramai peserta berpendapat persidangan itu tepat pada masanya berikutan era globalisasi memerlukan hubungan perniagaan baik antara organisasi dari serata pelusuk dunia.

Pada masa sama, mereka percaya persidangan itu mampu menjadi platform untuk menimba pengetahuan mengenai standard dan urus tadbir perniagaan tertinggi yang diamalkan organisasi terbaik dunia.

Antara moderator dan peserta sesi sampingan di ICC2005 ialah Pengerusi Guthrie Bhd, Tan Sri Musa Hitam; Pengerusi Shell Malaysia, Datuk Jon Chadwick; Pengerusi Nadicorp Holdings Sdn Bhd, Datuk Mohd Nadzmi Mohd Salleh; Naib Presiden Perhubungan Asia Boeing, Stanley O Roth; Naib Presiden dan Pengarah Urusan Goldman Sachs (Japan) Ltd, Dr Kenneth S Courtis; Pengarah Urusan dan Pengurus Risiko Negara DBS Bank Ltd, Wong Yit Fan dan Presiden Asia Tenggara GE International Malaysia Inc, Stuart L Dean.

Hadir sama, Pengarah Yayasan Sabah, Tan Sri Datu Khalil Datu Jamalul; dan Presiden Asli, Mirzan Mahathir. Musa yang juga Menteri Kewangan negeri adalah Pengerusi Jawatankuasa Induk Penganjur ICC 2005.

Antara objektif persidangan bertemakan 'Membina Kepercayaan Dan Kerjasama Antarabangsa Dalam Mengukuhkan Perpaduan' itu mendedahkan kepada perwakilan berkaitan potensi ekonomi di wilayah ini dan global

yang membabitkan perwakilan seperti CEO, pengarah, peniaga dan ahli akademik.

(END) Source : Berita Harian